

**MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI SELASA, 21 JUN 2022, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)  
SOALAN 1 (A102)**

Program Jaminan Bekalan Makanan Johor telah menerima peruntukan RM16.66 Juta peruntukan daripada Kementerian Kewangan untuk 6 program. Apakah status, butiran dan impak program ini?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)  
SOALAN 2 (A85)**

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membangunkan perumahan mampu milik di dalam DUN Pemanis dan jika ada dimanakah lokasinya dan berapakah jumlah rumah mampu milik yang akan dibina nanti.

**YB TUAN HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)  
SOALAN 3 (A79)**

Keperluan Rumah Mampu Milik Johor dan Projek Rumah Rakyat (sewa/sewa beli) di dalam kawasan DUN Kota Iskandar dalam tempoh 5 tahun mendatang. Bilakah tarikh projek dilaksanakan dan jangka siap dan dimana tempatnya serta berapa jumlah unit?

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)  
SOALAN 4 (A47)**

Saya sering menerima keluhan dan curahan rasa hati golongan belia di kawasan saya, yang mana mereka sangat mengidamkan untuk memiliki rumah mampu milik bagi keselesaan keluarga. Justeru adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah kawasan bagi membina rumah mampu milik ini?

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**  
**SOALAN 5 (A151)**

Bagaimanakah strategi kerajaan untuk memenuhi keperluan rumah mampu milik di Parlimen Pasir Gudang?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 6 (A159)**

Maharani sebuah daerah membangun pesat dan sosio ekonomi yang maju. Apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan lagi pembinaan perumahan kos rumah murah dan kos rumah sederhana di daerah Muar khususnya Maharani?

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**  
**SOALAN 7 (A77)**

Apakah tindakan kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah anjing liar serta serangan monyet di kawasan perumahan dan di kampung-kampung yang telah merosakan tanaman dan harta benda serta mengganggu ketenteraman awam dan kesejahteraan penduduk.

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**  
**SOALAN 8 (A61)**

Apakah inisiatif kerajaan Johor untuk memberi kemudahan pengangkutan awam kepada rakyat terutamanya di DUN Sedili, dahulu adanya bas Muafakat yang akhirnya seperti tidak wujud lagi.

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**  
**SOALAN 9 (A31)**

Berapakah peruntukan Anak Johor Prihatin salah satu inisiatif Bantuan Bangsa Johor yang diumumkan pada 14 April 2022 oleh YAB Menteri Besar Johor yang telah disalurkan setakat ini dan kepada berapa ramai anak yatim bagi DUN Pasir Raja?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**  
**SOALAN 10 (A88)**

Apakah mekanisma pemberian bantuan daripada kerajaan negeri bagi membantu anak-anak yang kehilangan ibu dan bapa mereka akibat COVID-19? Berapakah statistik jumlah mereka yang terlibat mengikut daerah dan juga DUN?

**YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)**  
**SOALAN 11 (A145)**

Adakah Kerajaan Negeri mempunyai blueprint khusus untuk industri e-sport negeri ini dan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperhebat industri e-sport dan melahirkan jaguh-jaguh e-sport di negeri ini?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**  
**SOALAN 12 (A165)**

Berapa banyakkah pusat-pusat haemodialysis yang beroperasi di negeri Johor sama ada milik kerajaan dan swasta berdasarkan daerah, serta adakah kerajaan bercadang untuk menambah pusat-pusat haemodialysis di setiap daerah?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**  
**SOALAN 13 (A167)**

Pada tahun 2021, Menteri Kesihatan telah mengumumkan pembelian ambulans dengan nilai RM300 juta. Berapa banyakkah ambulans yang telah diperuntukkan untuk negeri Johor dan jumlah terkini ambulans yang sedia ada berfungsi milik kerajaan, swasta serta NGO di setiap daerah?

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**  
**SOALAN 14 (A68)**

Mohon agar kemudahan pembelajaran terutama kerusi dan meja disemua sekolah agama diambil serius bagi memberi keselesaan murid-murid.

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 15 (A107)**

Apakah status Program Johor Go Global dan Program Friendly Johor menerusi Invest Johor?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 16 (A140)**

Nyatakan status naik taraf Zoo Johor termasuk kos naik taraf, jangka masa dan skop kerja-kerja naik taraf.

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**  
**SOALAN 17 (A89)**

Bagaimanakah pemantauan dibuat kepada syarikat-syarikat konsesi yang telah dilantik oleh kerajaan negeri bagi membantu kontraktor tempatan kerana terdapat aduan kontraktor lambat dibayar dan kerap kali kualiti kerja yang diberikan kepada kontraktor ini kualiti kerjanya tidak sempurna dan gagal mengikut spesifikasi.

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 18 (A29)**

Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan melawat dan menyalurkan dana yang sewajarnya ke Sekolah-sekolah Agama Johor yang mengalami masalah kerosakan bangunan yang serius, kekurangan fasiliti asas seperti kerusi dan meja ?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**

**SOALAN 19 (A111)**

Kebanyakan belia cenderung menyertai aktiviti secara berkumpulan tetapi tidak melalui organisasi yang ditubuhkan secara sah. Apakah JBSNJ membuat sebarang kajian khusus, langkah dan kaedah selain pemudahcara menggalakkan belia mewujudkan persatuan secara lebih mudah tanpa syarat yang terlalu ketat tetapi terkawal.

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**

**SOALAN 20 (A182)**

Mohon lampu jalan / lampu limpah dapat dipasang di sepanjang Jalan Tanjung Laboh bermula dari ADTEC hingga ke Pekan Senggarang ekoran kawasan tersebut terlalu gelap dan sering berlakunya kemalangan.

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**

**SOALAN 21 (A54)**

Minta dinyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kemudahan jaringan internet di kawasan kampung bagi membantu mahasiswa dan pekerja supaya dapat bertugas dengan baik.

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**

**SOALAN 22 (A60)**

Kekurangan tenaga buruh disektor peladangan terutama di ladang kelapa sawit pada masa kini, sangat membimbangkan. Apakah tindakan dan cara yang telah diambil bagi penyelesaian permasalahan ini kerana dilihat menjejaskan pendapatan pemilik ladang.

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 23 (A69)**

Bilakah persimpangan bertingkat berhampiran Plaza Tol Cahaya Baru (SDE) boleh dibuka kepada orang ramai? Kesesakan jalanraya pada waktu puncak semakin kritikal di kawasan sekitar Taman Kota Masai - Taman Pasir Putih.

**YB DATO' HJH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)**  
**SOALAN 24 (A176)**

Apa perancangan kerajaan negeri untuk memperhebatkan dan menceriakan kawasan pelancongan di DUN Mahkota yang mempunyai banyak tarikan pelancong?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 25 (A105)**

Adakah bayaran petugas-petugas PDK akan dinaikkan sehingga RM1500.00 supaya selaras dengan perintah gaji minimum 2022?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 26 (A126)**

Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Kerajaan Johor dalam menangani isu ketiadaan infrastruktur telekomunikasi talian tetap di kawasan-kawasan kediaman baru dan kawasan-kawasan perindustrian.

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 27 (A49)**

Mohon penambahan lampu jalan kampung di kawasan DUN Sungai Balang untuk mengatasi risiko berlakunya kemalangan dan jenayah.

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**  
**SOALAN 28 (A113)**

Adakah kerajaan mempunyai rancangan menambah lampu-lampu jalan di kampung-kampung terutama di kawasan tumpuan awam dan persimpangan jalan yang kerap berlaku kemalangan khususnya DUN Bukit Naning?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 29 (A42)**

Perkhidmatan internet jalur lebar gentian optik amat diperlukan bagi semua lapisan masyarakat. Apakah inisiatif yang sedang/ akan diambil untuk memastikan rakyat Johor dapat menikmati perkhidmatan ini dalam tempoh 3 tahun dan nyatakan peratus kadar liputan UNIFI setakat ini mengikut daerah.

**YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)**  
**SOALAN 30 (A146)**

Dengan jangkaan kenaikan inflasi pada tahun ini, apakah langkah-langkah kawalan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan yang terkesan terutama golongan B40 dan M40 di negeri ini?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 31 (A158)**

Apakah itu Maharani Energy Gate Way dan sejauh manakah projek ini memberikan kesan kepada rakyat dan sosio ekonomi negeri Johor amnya dan khususnya pada Maharani.

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 32 (A116)**

Minta dinyatakan usaha terkini dalam merealisasikan Ikhtiar BN Johor terutama mewujudkan Pasar Borong Digital (Digital Wholesale Market) kerana ia dilihat mampu menyelesaikan masalah isu “orang tengah” yang kini dilihat amat serius kerana mereka didakwa mengawal harga pasaran tempatan?

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

-----  
-----  
----- ( PERBAHASAN ) -----  
-----  
-----

**Persidangan ditangguhkan sehingga hari Rabu, 22 Jun 2022, jam 9.30 pagi.**